

Tebing Sungai Linggi ancam 13 penduduk

Tiga rumah di Kampung Datuk Mansor berisiko runtuh akibat hakisan hujan lebat

Oleh Hussain Said

SEREMBAN: Seramai 13 penduduk Kampung Datuk Mansor, Rahang, di sini yang penempatan mereka terletak bersempadan Sungai Linggi, diancam bahaya apabila tebing sungai berkenaan semakin terhakis dan menghampiri bahagian belakang rumah mereka.

Tinjauan Sentral mendapati, tiga rumah dalam keadaan berisiko tinggi kerana hakisan yang berlaku menyebabkan pagar rumah mereka hanya tinggal kira-kira satu meter dari tebing.

Hujan lebat yang berlaku sejak kebelakangan ini juga menyebabkan hakisan semakin bertambah buruk dan meluas kerana arus deras menimpa tebing sungai berkenaan yang lembut sekali gus menyebabkan berlaku tanah runtuh.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK) Datuk Mansor, Yahya Ahmad berkata, hakisan tebing sungai berkenaan sebenarnya sudah berlaku sejak dua tahun lalu.

Katanya, ia berlaku secara sedikit-sedikit dan sehingga kini keluasan hakisan berkenaan sudah mencapai kira-kira 20 meter dan keadaan itu membimbangkan penduduk kerana ia semakin hampir dengan belakang rumah mereka.

"Kami sudah beberapa kali mengadu kepada Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) Negeri Sembilan tetapi tiada sebarang tindakan diambil bagi menangani masalah ini.

"Pegawai JPS memberitahu bagi mengatasi masalah hakisan itu mereka akan membina tebing konkrit, tetapi sampai hari ini tiada sebarang kerja pembinaan

dilakukan hingga hakisan itu semakin meluas," katanya.

Yahya berkata, kali terakhir dia menghubungi JPS kira-kira sebulan lalu tetapi pegawai terbabit memberitahu pihaknya

“*Saya difahamkan JPS masih menunggu peruntukan untuk membina tebing konkrit berkenaan dan kerja pembinaannya dijangka dimulakan tidak lama lagi”*

Yip Chee Kiong
Adun Rahang

sedang dalam proses pemilihan kontraktor untuk kerja pembinaan tebing konkrit berkenaan.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Rahang, Datuk Yip Chee Kiong, berkata beliau sudah melawat kawasan rumah yang dilanda hakisan berkenaan dan masalah itu sudah diajukan kepada JPS untuk tindakan.

Yip berkata, bagaimanapun pembinaan tebing konkrit itu akan mengambil masa berikutan laluan sebahagian sungai berkenaan dikatakan terbabit dalam projek Jalan Lingkaran Tengah yang sedang dalam pembinaan.

"Jadi, JPS perlu mengambil kira pelbagai aspek sebelum pembinaannya bagi mengelakkan sebarang masalah timbul. Namun, saya beri jaminan masalah hakisan ini akan diatasi dan penduduk perlu bersabar," katanya.